

# Perabot tempatan diiktiraf dunia

» **Pereka muda Kumpulan Tanggam sertai Pameran Perabot Antarabangsa i-Saloni, Milan**

Oleh Aslina Abu Bakar  
bhkt@bh.com.my

Kuala Terengganu

**P**erabot rekaan anak tempatan kini diiktiraf dan menempah nama pada peringkat antarabangsa.

Ia berikutan pereka muda tempatan Kumpulan Tanggam sekali lagi terpilih menyertai Pameran Perabot Antarabangsa i-Saloni 2014 di Milan, Itali, tahun ini.

Kumpulan Tanggam yang dianggotai sembilan pereka berusia 35 tahun ke bawah daripada Lembaga Industri Perkayuan Malaysia (MTIB), akan menyertai pameran diadakan selama enam hari bermula 8 April ini.

Pengarah Pembangunan Industri MTIB Malaysia, Mahpar Atan (**gambar**), berkata semua pereka muda itu dipilih menerusi pertandingan Reka Bentuk Perabot Mobi yang dianjurkan MITB.

## Penyertaan kedua pereka tempatan

Ia adalah penyertaan kali kedua buat pereka Malaysia di mana pada tahun lalu, hanya lima pereka dihantar ke Milan untuk menyertai program sama.

“Pada tahun ini seramai lapan pereka terpilih untuk mempamerkan 18 prototaip reka bentuk mereka yang mana produk ini mengadaptasi pelbagai tema berkonsepkan budaya Malaysia,” katanya.

Mahpar berkata, penyertaan ke pameran itu secara tidak

langsung memberi peluang kepada pereka tempatan mendapat tempat dan pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

“Pameran ini akan disertai lebih 700 pereka dari seluruh dunia untuk mempamerkan reka bentuk mereka,” katanya selepas Dialog Reka Bentuk Perabot di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), di sini, semalam.

Sementara itu, peserta yang juga Pensyarah Seni Reka Bentuk dan Teknologi Kejuruteraan UniSZA, Shahrul Anuwar Mohamed Yusof, berkata beliau bersyukur kerana sekali lagi dipilih menyertai pameran selepas berpeluang mengikutinya pada tahun lalu.

Berdasarkan penyertaan saya pada tahun lalu, perabot dari Malaysia sememangnya dikagumi pengunjung kerana mempunyai nilai budaya yang menggabungkan konsep moden dan tradisional.

“Alhamdulillah, melalui pameran itu, saya berjaya memasarkan produk yang saya hasilkan. Malah, pada tahun



ini saya mempertaruhkan dua produk iaitu ‘Kona Table’ iaitu meja kopi yang boleh dicerai dan dipasang semula serta menjimatkan ruang.

## Gelek Stool

“Satu lagi produk saya yang akan dipamerkan di Milan adalah produk yang diberi jolokan nama ‘Gelek Stool’ iaitu kerusi untuk kanak-kanak bermain, selain untuk kegunaan dewasa,” katanya.

Beliau berkata, antara bahan yang digunakan untuk menghasilkan kedua-dua produk itu adalah kayu nyatoh tempatan serta kaca.

Peserta lain, Mohd Sujak Hasbollah pula mengetengahkan tiga reka bentuk yang dilihaskan daripada alat muzik Melayu serta wau yang direka menjadi tempat duduk.

“Tiga produk yang akan menyertai pameran itu adalah produk yang dinamakan Channang, Gendda dan Hajja” kata dia.